



<p><b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Peribadi-i BAE ini. Sila juga baca <u>terma di dalam surat tawaran</u>. Minta penjelasan daripada Bank sekiranya tuan/puan tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma amnya.)</p>	<p><b>PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD</b> 197301001433 (14328-V)</p> <p><b>PEMBIAYAAN PERIBADI-i BAE</b></p> <p><b>TARIKH:</b></p>						
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Produk di atas ialah produk pembiayaan peribadi tidak bercagar yang ditawarkan kepada kakitangan agensi kerajaan. Ia dikira berasaskan kadar tetap dan adalah tetap sehingga kemudahan tersebut matang.</li> <li>Kemudahan yang ada adalah untuk kegunaan peribadi dan dibenarkan oleh prinsip Syariah.</li> </ul>							
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bai' Al-Inah - Merujuk pengaturan yang melibatkan jualan aset kepada pembeli atas dasar tertunda dan pembelian aset berikutnya pada harga tunai yang lebih rendah daripada harga jualan tertunda.</li> <li>Murabahah - Kaedah jualan dengan menaikkan harga (mark-up) yang mana kos sebenar dan margin keuntungan akan dimaklumkan kepada pelanggan.</li> </ul>							
<p><b>3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <tr> <td style="width: 50%; padding: 5px;">Jumlah Amaun yang Dibiayai/Harga Belian oleh Bank: RM.....</td> <td style="width: 50%; padding: 5px;">Kadar Keuntungan : .....%</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Jumlah Harga Jualan oleh Bank: RM.....</td> <td style="padding: 5px;">Tempoh: ..... tahun</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kadar Keuntungan Efektif (EPR): ..... %</td> <td></td> </tr> </table>		Jumlah Amaun yang Dibiayai/Harga Belian oleh Bank: RM.....	Kadar Keuntungan : .....%	Jumlah Harga Jualan oleh Bank: RM.....	Tempoh: ..... tahun	Kadar Keuntungan Efektif (EPR): ..... %	
Jumlah Amaun yang Dibiayai/Harga Belian oleh Bank: RM.....	Kadar Keuntungan : .....%						
Jumlah Harga Jualan oleh Bank: RM.....	Tempoh: ..... tahun						
Kadar Keuntungan Efektif (EPR): ..... %							
<p><b>4. Apakah kewajipan saya?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ansuran bulanan ialah: RM.....</li> <li>Jumlah Harga Jualan Bank (jumlah keuntungan dan jumlah amaun yang dibiayai adalah RM.....)</li> </ul>							
<p><b>5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%; padding: 5px;">Fi &amp; Caj</th> <th style="width: 50%; padding: 5px;">Amaun (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Duti Setem ke atas Perjanjian Jualan Aset</td> <td style="padding: 5px;">Ad valorem</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Duti Setem ke atas Surat Tawaran</td> <td style="padding: 5px;">RM10.00 setiap satu</td> </tr> </tbody> </table> <p style="margin-top: 10px;">Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami di <a href="http://www.publicislamicbank.com.my">www.publicislamicbank.com.my</a></p>		Fi & Caj	Amaun (RM)	Duti Setem ke atas Perjanjian Jualan Aset	Ad valorem	Duti Setem ke atas Surat Tawaran	RM10.00 setiap satu
Fi & Caj	Amaun (RM)						
Duti Setem ke atas Perjanjian Jualan Aset	Ad valorem						
Duti Setem ke atas Surat Tawaran	RM10.00 setiap satu						



## 6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?

### Caj Ganti Rugi

- Melainkan ditetapkan sebaliknya dibawah jenis-jenis kemudahan yang berkenaan, Bank berhak untuk mengenakan yang berikut:
  - Kerana gagal untuk membayar ansuran bagi kemudahan mulai tarikh pengeluaran pertama sehingga tarikh kemudahan tersebut matang, kadar *ta'widh* (ganti rugi) yang dikenakan ialah satu peratus (1%) setahun atas apa-apa amaun yang lampau tempoh, atau kadar yang lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi *ta'widh* atas ansuran lampau tempoh adalah seperti yang berikut:

$$\text{Ansuran Lampau Tempoh} \times \text{Kadar } Ta'widh \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

- Sila maklum bahawa sekiranya akaun tuan/puan terus tertunggak dan sekiranya kemudahan ditarik balik atau dibawa ke mahkamah untuk penghakiman sebelum tarikh matang, caj bayaran lewat sebanyak 1% setahun atas baki belum jelas akan dikenakan.

$$\text{Baki Belum Jelas} \times 1\% \text{ setahun} \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

- Kerana gagal untuk membayar ansuran dan terus gagal untuk membayar melepasi tarikh matang kemudahan tersebut, kadar yang boleh diguna pakai adalah Kadar Pembiayaan Purata Bank\* (KPP) atas baki belum jelas atau kadar yang lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi pembayaran lewat selepas matang adalah seperti yang berikut:

$$\text{Baki Belum Jelas} \times \text{KPP} \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

\* Juga dikenali sebagai "Kadar Digabung" yang terdiri daripada dua (2) elemen iaitu *ta'widh* dan *gharamah*. *Ta'widh* merujuk kepada amaun yang boleh diganti rugi kepada Bank berdasarkan kerugian sebenar yang ditanggung disebabkan kemungkiran dan *gharamah* merujuk kepada penalti yang dikenakan melebihi *ta'widh*.

- Bank tidak akan menambah ganti rugi yang mesti dibayar kepada amaun pokok/amaun pembiayaan.

### Hak untuk menolak selesai

- Bank mempunyai hak pada bila-bila masa tanpa notis kepada tuan/puan untuk mendebitkan akaun semasa/simpanan tuan/puan dengan kami bagi pembayaran bayaran bulanan pembiayaan tersebut dan caj dan/atau fi lain.

### Keterangan mengenai Obligasi Pembayaran Pembiayaan

- Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada kami semua maklumat yang berkaitan berkenaan dengan pembiayaan yang diambil daripada semua institusi kewangan, koperasi, persatuan pembinaan, syarikat dan saudagar kredit yang memberi jualan kredit dsbnya. dan untuk mendedahkan sepenuhnya dan setepatnya maklumat penting yang mempunyai kesan ke atas keputusan kewangan kami. Kegagalan oleh tuan/puan untuk mendedahkan maklumat yang penting dan betul dalam permohonan pembiayaan tersebut serta akibat daripada pemberian maklumat yang tidak lengkap atau tidak betul boleh membawa kepada penolakan permohonan tuan/puan untuk pembiayaan.



**7. Bagaimanakah sekiranya saya menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tempoh matang?**

- Bank akan menawarkan ibra' (rebat) yang lebih rendah bagi keuntungan yang tidak diperoleh.
- Ibra' (rebat) merujuk kepada tindakan seseorang yang melepaskan haknya untuk mengutip pembayaran yang terhutang daripada orang lain. Bank boleh memberi ibra' kepada pelanggan pembiayaan berdasarkan jualan yang menyelesaikan pembiayaan mereka sebelum tempoh penyelesaian yang dipersetujui seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian.
- Contoh pengiraan:
  - a) Ibra' = Keuntungan tertunda - Caj penyelesaian awal
  - Contoh = RM98,167.98 - RM0.00
  - = RM98,167.98
  - b) Amaun penyelesaian = Harga jualan belum jelas + Ansuran tertunggak - Ibra'
  - Contoh = RM267,766.53 + RM2,028.53 - RM98,167.98
  - = RM171,627.08
- Tiada Fi Penyelesaian Awal akan dikenakan.

**8. Apakah risiko-risiko utama?**

- Sekiranya tuan/puan mempunyai masalah untuk memenuhi obligasi kewangan tuan/puan, hubungi kami dengan segera untuk berbincang mengenai pembayaran alternatif.
- Lebih panjang tempoh pembiayaan, lebih tinggi kadar keuntungannya.

**9. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

- Ya, anda digalakkan agar mengambil Takaful daripada AIA PUBLIC Takaful Berhad (APTB) atau Takaful Ikhlas Bhd (TIB) dengan sumbangan tunggal yang meliputi kematian dan hilang upaya kekal dan menyeluruh. Sumbangan kekal ditolak daripada amaun pembiayaan yang diluluskan. Anda perlu mengisytiharkan apa-apa penyakit yang sedang dihidapi. Perlindungan Takaful dengan APTB atau TIB, bergantung kepada keadaan, tidak meliputi kematian atau hilang upaya kekal dan menyeluruh akibat penyakit yang sedang dihidapi sekiranya tuntutan dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan (bagi APTB) atau enam (6) bulan (bagi TIB) dari tarikh perlindungan Takaful.

- Contoh pengiraan:

**Takaful Ikhlas Bhd**

Jumlah Perlindungan	=	RM100,000.00
Umur	=	40 tahun
Tempoh Pembiayaan	=	10 tahun
Sumbangan Mesti Dibayar (meliputi Amaun Pembiayaan)	=	RM100,000.00 X 14.18*/1000
	=	RM1,418.00
Khairat Kematian	=	27.12* X RM2,000.00/1000
	=	RM54.24
Jumlah	=	<u>RM1,472.24</u>

**Nota:**

- \* Bergantung pada Umur dan Tempoh Pembiayaan.
- Khairat kematian adalah untuk TIB sahaja.



**10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

- Tiada jaminan diperlukan.

**11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?**

- Adalah penting untuk tuan/puan memaklumkan kepada Bank mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat tuan/puan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada tuan/puan tepat pada masanya.

**12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?**

- Sekiranya tuan/puan mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, tuan/puan boleh menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- Sekiranya tuan/puan ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami berikan, tuan/puan boleh menghubungi kami di:

**Public Islamic Bank Berhad**

**Tingkat 25, Menara Public Bank**

**146 Jalan Ampang**

**50450 Kuala Lumpur**

**Telefon** : 1-800-22-5555

**Faks** : 03-2162 2224

**E-mel** : [islamicbkg@publicislamicbank.com.my](mailto:islamicbkg@publicislamicbank.com.my)

**Laman web** : <https://www.publicislamicbank.com.my>

- Selain itu, tuan/puan boleh juga mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Tuan/Puan boleh menghubungi AKPK di:

**Tingkat 8, Maju Junction Mall**

**1001, Jalan Sultan Ismail**

**50250 Kuala Lumpur**

**Telefon** : 03-2616 7766

**E-mel** : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- Sekiranya pertanyaan atau aduan tuan/puan tidak dapat kami selesaikan dengan memuaskan, tuan/puan boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

**Blok D, Bank Negara Malaysia**

**Jalan Dato' Onn**

**50480 Kuala Lumpur**

**Telefon** : 1-300-88-5465

**Faks** : 03-2174 1515

**E-mel** : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)



**13. Pakej pembiayaan peribadi-i lain yang disediakan**

- Pembiayaan Peribadi-i BAE Plus
- Kemudahan Tunai-i Plus

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN DIAMBIL TERHADAP TUAN/PUAN  
SEKIRANYA TUAN/PUAN TIDAK TERUS MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI PEMBIAYAAN PERIBADI-i  
TUAN/PUAN.**

Butiran di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja, kadar keuntungan dan caj mungkin berubah dan tertakluk kepada terma dan syarat Bank.

Tandatangan/Tarikh: .....

Nama Pegawai/Pegawai Pemasaran: .....

- Saya mengesahkan bahawa sesalinan borang pendedahan produk ini telah diberi dan dijelaskan kepada pemohon.
- Maklumat yang terdapat dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di dalam ini.